

KURSUS PENTAULIAHAN **PERUNDING IMEJ PROFESIONAL**

TRAIN-THE-TRAINER

**CERTIFIED PROFESSIONAL
IMAGE CONSULTANT (CPIC)**

Kursus intensif 7 hari yang membekalkan modul serta latihan lengkap untuk memulakan kerjaya sebagai Perunding Imej Profesional.



SIAPAKAH PERUNDING IMEJ (IMAGE CONSULTANT)

Perunding imej adalah individu bertauliah yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan imej peribadi atau imej profesional pelanggannya. Perunding imej yang terlatih berkebolehan untuk memastikan imej pelanggan konsisten dengan matlamat peribadi atau sasaran profesional mereka.

Selain daripada perubahan penampilan luaran, perunding imej juga berkeupayaan untuk membangunkan keyakinan dan memberi dorongan untuk capai kejayaan dalam bidang yang diceburi.



Train-The-Trainer: Certified Professional Image Consultant (TTT: CPIC) adalah kursus pentauliahan yang dikendalikan oleh *master trainer*, Puan Mary daripada Akademi Perunding Imej Profesional.

Sejak tahun 2012, kursus intensif yang telah mentauliahkan seramai 163 orang ini direka untuk individu yang mahu menjadi perunding imej ber-tauliah dengan bimbingan dan latihan secara langsung oleh perunding imej yang berpengalaman lebih 12 tahun dalam bidang ini.

Modul kursus ini direka mengikut modul bertaraf antarabangsa yang menumpukan kepada pengetahuan dan latihan yang diperlukan untuk berjaya sebagai perunding imej profesional di Malaysia.



KENAPA KERJAYA PERUNDING IMEJ DAPAT PERMINTAAN TINGGI?

Semakin ramai menyedari kepentingan menjaga imej, tidak kira sama ada daripada segi penampilan yang kemas, etika yang baik atau komunikasi yang berkesan.

Ketiga-tiga faktor ini mampu memberikan tanggapan pertama yang positif dan memberi impak kepada karier dan kehidupan seseorang individu.

Penampilan seseorang individu itu juga dapat meningkatkan kepercayaan orang lain. Malah majikan juga membuat penilaian dalam pelbagai aspek termasuk cara berpakaian kerana ia mempamerkan personaliti seseorang sama ada baik atau sebaliknya.

Dengan persaingan yang semakin sengit setiap hari, adalah penting untuk membina jenama peribadi dan menyerlahkan kelebihan diri dengan strategik.

Justeru, keperluan yang semakin meningkat ini menghasilkan permintaan yang tinggi untuk mendapatkan khidmat perunding Imej bertauliahan.

SYARAT KELAYAKAN MENJADI PERUNDING IMEJ?

Jika anda mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, mempunyai minat terhadap penjagaan penampilan, anda bersemangat untuk membuat perubahan dalam kehidupan orang lain dan keinginan yang kuat untuk memulakan dan membina karier ini, anda layak untuk menjadi seorang perunding imej!

Syarat-syarat lain:

- +** Berusia 18 tahun dan ke atas.
- +** Boleh beri komitmen penuh sepanjang kursus.



POTENSI KERJAYA PERUNDING IMEJ

Konsultasi

Jalankan konsultasi kepada individu yang mahu menaikkan jenama diri dan menambah baik teknik berpenampilan secara keseluruhan.



Penjenamaan

Berikan khidmat nasihat dalam penjenamaan bisnes termasuk warna, pakaian dan asas imej.



Coaching

Jadi jurulatih untuk individu yang mahu memperbaiki diri dari sudut penampilan, pertuturan dan perbuatan.



Latihan

Kendali latihan untuk organisasi, institusi atau syarikat yang memerlukan program berkaitan imej.



Industri Berkaitan Imej

Libatkan diri dalam industri yang berkaitan seperti menjadi jurucakap, penyelaras fesyen, perunding pakaian, pendandan hijab, jurusolek dan sebagainya.



APAKAH YANG ANDA TERIMA MELALUI KURSUS INI

Modul Lengkap



Anda akan menerima modul lengkap dalam salinan digital dan salinan bercetak agar anda boleh terus mulakan kerjaya selepas ditauliahkan.

Kelas Susulan Percuma



Pelajari modul elektif berkaitan pembangunan bisnes melalui kelas susulan percuma yang diadakan khusus untuk memastikan anda bergerak lebih pantas dalam industri.

Taraf Antarabangsa



Modul dan kandungan kursus adalah selari dengan sukatan pembelajaran perunding imej di peringkat antarabangsa. Modul juga telah diuji dan digunakan di Malaysia.

Sesi *Networking* Berkala



Akademi aktif melaksanakan sesi pertemuan dan *networking* secara berkala khas buat alumni APIP.

Follow-Up Percuma



Selama 6 bulan selepas kursus, anda layak untuk mendapat sesi *follow-up* secara percuma. Anda hanya perlu tetapkan temu janji anda bersama Puan Mary untuk tujuan ini.

Advance Class



Dalam i ilmu tambahan untuk memperkuuhkan bisnes latihan dalam *advance class* anjuran akademi.

MODUL KURSUS CPIC

MODUL UTAMA

Modul ini dipelajari ketika kursus 7 hari

Appearance

- *Basic Principles of Professional Image Development*
- *Face Shape Analysis And The Influence On Fashion And Style*
- *Skin Care And Make-Up*
- *Principles Of Men's Wear*
- *Principles Of Women's Wear*
- *Fundamental Colour Analysis*
- *Wardrobe Management*
- *Personal Shopping*

Behaviour And Communication

- *Social Etiquette*
- *Business Etiquette*
- *Dining Etiquette And Table Manners*

MODUL KURSUS CPIC

MODUL ELEKTIF

Modul bisnes ini dipelajari dalam kelas susulan percuma

Strategi Pembinaan Modul Berkesan

- + Modul sesi konsultasi untuk individu
- + Modul sesi konsultasi untuk kumpulan kecil
- + Modul untuk bengkel dan kursus (*workshop*)
- + Modul untuk ceramah dan seminar

Strategi Menjayakan Bisnes Berterusan

- + Teknik penjenamaan bisnes dan diri
- + Teknik memperkenalkan diri kepada pasaran
- + Teknik mempromosikan dan memasarkan perkhidmatan

FORMAT KURSUS CPIC

3 hari *offline*, 3 hari *online*,
1 hari penilaian akhir + graduasi (*offline*)



Ceramah
Interaktif



Demostrasi



Aktiviti
Berkumpulan



Tugasan
Individu



Latihan
Praktikal

**Bagi memastikan penguasaan
oleh setiap peserta, ujian
berikut akan dijalankan
sepanjang kursus**

- + Ujian bertulis
- + Ujian pembentangan
- + Ujian kemahiran individu
- + Ujian kemahiran kumpulan

PROFAIL MASTER TRAINER

Puan Mary, seorang guru imej yang tidak asing lagi, beliau merupakan guru utama Akademi Perunding Imej Profesional. Kini, beliau mempunyai lebih 110,000 pengikut (*followers*) di Facebook dan 275,000 *subscribers* di channel YouTube beliau yang bernama glowwe dengan jumlah tontonan melebihi 11 juta.

Sehingga kini, melalui kursus popular anjuran akademi beliau iaitu *Train-The-Trainer: Certified Professional Image Consultant* (TTT:CPIC) dan *Certified Skincare Consultant* (CSC), beliau telah melatih seramai 163 orang CPIC dan 90 orang CSC di seluruh Malaysia. Beliau mempunyai 5 pentauliahan antarabangsa dan memiliki pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam pembangunan imej profesional di Malaysia.



PUAN MARY

*Image & Colour Consultant,
Skincare Expert*

TESTIMONI



Amin Idris
Selebriti Dan Personaliti

Program yang pasti memberikan penerangan terperinci dan penuh interaktif tentang cara untuk membina kerjaya sebagai seorang perunding imej.



Anbalagan Alagasamy
Krew Kabin MAS

"The mediocre teacher tells. The good teacher explains. The superior teacher demonstrates" To be the best you have to be trained by the best. Thank you Puan Mary who has enlightened and inspired me through the CPIC program.



Faridzul Nasaruddin
Peguam Korporat

Walaupun konten padat, dengan pendekatan yang segar dan menghiburkan, saya tidak melihat walaupun seorang peserta yang kelihatan bosan atau mengantuk sepanjang tempoh kursus yang Puan Mary kendalikan.



Maslina Doraji
Pengurusan Kolej Komuniti

Ini yang saya cari! Dimensi hidup saya berubah. Imej bukan sahaja berkaitan fesyen. Tapi bagaimana kita membawa diri. Personaliti individu yang berbeza membuat dunia ini penuh warna warni.



Nitti Shahera
Pegawai Tadbir

Bimbingan daripada Puan Mary yang sangat interaktif dan terperinci. Beliau juga sentiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat dari semasa ke semasa di mana anda tidak akan dapat dari mana *master trainer* sepertinya.



Nadiah Norudin
Doktor Perubatan

Perkongsian ilmu yang mendalam dan meluas. Merangkumi ilmu imej yang disesuaikan secara praktikal untuk orang Asia khususnya rakyat Malaysia. Ia adalah sesuatu yang sukar untuk anda cari dari mana-mana kursus imej yang lain.

MAKLUMAT PENDAFTARAN

Tarikh kursus

14-21 Januari 2023

Harga *early bird** (tidak termasuk SST)

RM 6,990.00

*Bayaran penuh perlu dibuat sebelum
1 Januari 2023.

Harga normal (tidak termasuk SST)

RM 8,990.00

No. SST - W10-1902-32000207

**Daftar dan mulakan perjalanan
anda untuk menjadi seorang
CPIC sekarang! Hubungi:**



019 280 1610

Terma, syarat dan polisi pembatalan:

1. Deposit komitmen sebanyak RM 1,000 mesti dijelaskan semasa pendaftaran. Pendaftaran hanya akan disahkan setelah deposit tersebut diterima oleh pihak penganjur.
2. Seandainya berlaku pembatalan atau penarikan diri selepas pembayaran deposit dan pengesahan pendaftaran, deposit komitmen tidak akan dipulangkan.
3. Peserta gantian adalah dibenarkan tanpa caj tambahan. Penggantian peserta perlu dimaklumkan secara bertulis kepada pihak penganjur selewat-lewatnya 7 hari sebelum program berlangsung.
4. Baki yuran setelah ditolak jumlah deposit hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum program berlangsung.
5. Sekiranya peserta gagal menjelaskan baki yuran sebelum program berlangsung, pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan tersebut dan deposit komitmen tidak akan dikembalikan.
6. Peserta yang sudah disahkan pendaftaran dan telah menjelaskan yuran penuh tetapi tidak menghadirkan diri, yuran tidak akan dikembalikan.
7. Pihak penganjur berhak menjadualkan semula atau membatalkan program, sekiranya perlu. Namun jika terdapat sebarang perubahan, pihak penganjur akan memaklumkan seawal yang mungkin.

